# RAKYAT SAYANG TOKOH NEGARA

HM 1/11/2003 - 18 PRECISE

**RIBUAN** jemaah di Masjid Putrajaya berasak-asak mahu bersalam dengan Tun Dr Mahathir Mohamad selepas solat Jumaat, semalam.

Suasana penuh emosi membayangkan betapa rakyat sayangkan Dr Mahathir yang menabur jasa selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri.

Penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut dikerumuni orang ramai yang mahu mengucapkan tahniah atas pelantikan ke jawatan nombor satu negara itu.

Proses peralihan tampuk kepemimpinan negara itu akan dicatat dalam tinta sejarah negara untuk bacaan generasi akan datang.

Gambar RAMDZAN MASIAM, YAHYA ZAIN dan TUN IZHAR ISHAK



**SESAK...orang ramai berasak-asak untuk bersalam dengan Dr Mahathir selepas solat Jumaat, semalam.**



**SELAMAT BERJUANG... Pak Lah menerima ucapan tahniah daripada jemaah Masjid Putrajaya selepas solat Jumaat, semalam.**



**TERIMA KASIH... Dr Mahathir melambaikan tangan kepada orang ramai yang tidak berkesempatan bersalam dengan beliau sebelum meninggalkan pejabat Jabatan Perdana Menteri, semalam.**




**HARGAI JAYA...kanak-kanak Tadika Perpaduan sekitar Wilayah Persekutuan menunjukkan pelekat kenderaan "Terima Kasih Perdana Menteri" sebagai penghargaan kepada Dr Mahathir, semalam.**



**PEMIMPIN CONTOH...Pak Lah menjadi imam solat Tarawih selepas hari pertama dilantik sebagai Perdana Menteri, semalam.**